

PM nafi Malaysia tapak serang AS

UM 29 JAN 2002

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 28 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyangkal dakwaan kononnya Malaysia menjadi tapak pelancaran serangan penganas terhadap Amerika Syarikat (AS) pada 11 September lalu, sebaliknya percaya ia bermula di negara itu sendiri.

Perdana Menteri mempersoalkan asas dakwaan itu ditujukan kepada Malaysia sedangkan semua aktiviti penganas yang terbabit dalam serangan tersebut dilakukan di Amerika.

"Mereka ini berlatih di Amerika sepanjang masa dan kemudian membuat perancangan di Amerika, bagaimana untuk merampas kapal terbang Amerika, pada waktu bila, pesawat mana, bangunan apa.

"Semua itu dilakukan di Amerika, bukannya Malaysia," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Kualiti dan Program Sehari Bersama Pelanggan Kementerian Kewangan di sini.

Beliau mengulas laporan majalah *Newsweek* yang mendakwa Malaysia menjadi tapak operasi utama pelancaran serangan 11 September ke atas AS, ber-

dasarkan sumber Biro Siasatan Persekutuan (FBI).

Perdana Menteri menegaskan seperti yang diketahui umum, Malaysia tidak ada kaitan sama sekali dengan peristiwa serangan ke atas AS.

"Tetapi kita tahu ada rakyat negara ini yang pergi berlatih di Pakistan dan Afghanistan, pulang dengan niat untuk menggugat kestabilan negara, mewujudkan ketegangan kaum dan agama.

"Benda macam itu kita tahu dan mereka ada cadangan kalau boleh nak dirikan kerajaan melalui tindakan ganas," katanya.

Dalam hal ini, Perdana Menteri tidak bersetuju sekiranya kehadiran mereka yang terlibat dalam serangan 11 September di negara ini, hendak dijadikan alasan untuk mengaitkan Malaysia sebagai tapak pelancaran gerakan tersebut.

Beliau membangkitkan bahawa kumpulan itu juga menjelajah ke seluruh dunia termasuk Switzerland.

"Mereka patut ditangkap di Switzerland tetapi ini tidak berlaku.

"Mereka datang ke sini sebagai pelancong. Jika anda tangkap setiap pelancong Arab yang datang, maka tiada siapa yang akan datang ke Malaysia," katanya.

Mengenai dakwaan lain dalam laporan

yang sama bahawa anggota kumpulan Jemaah Islamiah yang merupakan bekas tentera Malaysia, Yazid Sufaat, mengaturnya pertemuan anggota al-Qaeda di negara ini, Perdana Menteri meminta supaya ditunjukkan bukti mengenai tuduhan itu.

"Mudah untuk mengatakannya tetapi benarkah dia melakukannya di Malaysia? Benarkah dia merancang segalanya? Saya sangsi. Operasi ini amat canggih," katanya.

Dr. Mahathir turut mempersoalkan kenapa FBI tidak memaklumkan kepada kerajaan, jika benar mereka mempunyai maklumat mengenai pergerakan kumpulan itu di negara ini.

"Bagaimana kita hendak mengambil tindakan jika sesuatu berlaku di luar pengetahuan kita.

"Jika mereka mempunyai maklumat, mereka patut memberitahu kita dan tindakan boleh diambil tetapi kita tidak tahu," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia telah pun bertindak menangkap ham-pir kesemua individu yang terlibat dalam keganasan sebaik sahaja mendapat maklumat mengenai kegiatan mereka.